

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi pihak Kementerian dalam memastikan taraf pembayaran gaji pekerja di Malaysia adalah setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan.

PR-1423-L06292

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Dalam usaha untuk memastikan taraf pembayaran gaji pekerja di Malaysia adalah setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan, Kementerian melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah mengambil strategi dengan menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). PLWS mewujudkan hubungan saling melengkapi di antara upah dan produktiviti pekerja. Berdasarkan sistem ini, upah yang diperolehi akan meningkat seiring dengan produktiviti dan prestasi pekerja.

2. Selain pelaksanaan PLWS, majikan dan kesatuan sekerja pekerja boleh memasukkan pemberian ganjaran dan insentif berdasarkan prestasi di dalam Perjanjian Kolektif. Perjanjian Kolektif merupakan dokumen perjanjian yang ditandatangani di antara majikan dan kesatuan sekerja pekerja dan diperakukan (*cognizance*) oleh Mahkamah Perusahaan. Perjanjian Kolektif mengandungi syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain faedah seperti bayaran bonus, kenaikan gaji dan insentif-insentif berdasarkan prestasi.